

Pembelajaran Penilaian Teks Naratif

Mohammad Fazli Salleh dan Khairunnisa Mohamed

Pusat Bahasa Melayu Singapura
Sekolah Rendah East Coast

Abstrak: *Kefahaman membaca adalah salah satu aspek dalam pengejaran dan pembelajaran bahasa yang masih menjadi kekusaran dalam kalangan guru dan murid. Murid didapati tidak dapat menjawab soalan-soalan dengan baik, terutama bagi soalan-soalan inferens. Murid gagal memahami kandungan teks akibat kurang upaya menganalisis teks dengan teliti. Kajian Pengajaran ini melibatkan murid Darjah 5 dan bertujuan untuk meningkatkan kemahiran murid menganalisis teks naratif melalui kaedah W.P.S. Kaedah W.P.S. yang selaras dengan Taksonomi Bloom telah didedahkan kepada murid sepanjang kajian ini. Kajian ini diusahakan untuk menggilap kemahiran murid membaca dengan lebih berkesan. Murid didedahkan kepada langkah-langkah untuk membantu mereka mengenal pasti watak-watak dalam cerita dan menyusun peristiwa-peristiwa yang terkandung dalam cerita. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kaedah W.P.S. telah membantu guru mengajar kemahiran menganalisis teks naratif dengan lebih berkesan dan berjaya membantu murid menjawab soalan-soalan inferens.*

Kata Kunci: *bacaan, inferens, kognitif, kefahaman, metakognitif*

1. Pengenalan

Komponen Kefahaman adalah antara faktor utama yang menjejaskan prestasi kertas peperiksaan Bahasa Melayu. Perkara ini amat ketara sekali sewaktu pemeriksaan kertas peperiksaan di peringkat PSLE. Dari pengalaman pengkaji-pengkaji sendiri, terutama sekali pada tahun 2014 dan 2015, prestasi keseluruhan untuk Kertas 2 Buku B Bahasa Melayu tidak begitu menggalakkan untuk kebanyakan murid.

Kajian pengajaran ini adalah usaha guru-guru dari sekolah kami dan bertujuan untuk meluaskan lagi proses pembelajaran dan pengajaran dalam memperlengkapkan para pelajar dengan kemahiran yang dapat membantu mereka menangani latihan kefahaman dengan lebih berkesan. Pemahaman teks memerlukan seseorang pembaca itu menganalisa kandungan yang ada dan ini penting untuk mencetuskan proses pemikiran yang membolehkan para pelajar untuk membentuk pendapat.

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah W.P.S kepada para pelajar. Kaedah W.P.S. membeir tumpuna kepada proses metakognitif seseorang dalam membina pemahaman yang baik dalam bacaan. Kaedah ini diperkenalkan sebagai alat untuk membina pemahaman kepada teks bacaan. Kaedah juga dirancang untuk membantu murid-murid mengapresiasi sebuah teks melalui watak-watak. Kajian ini juga dipengaruhi oleh satu aspek penulisan, yakni pembinaan watak, untuk membantu murid lebih menghayati bahan bacaan. Harapan para pengkaji adalah usaha ini akan melahirkan murid yang berfikiran kritis.

2. Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran memahami teks dalam kalangan murid. Selain itu, kajian ini juga mahu meneliti keberkesanan W.P.S dalam membina pemahaman murid. Kajian ini dijalankan dengan harapan dapat memperluas lagi usaha guru-guru Bahasa Melayu di sekolah dalam proses pengajaran kefahaman di dalam kelas. Kemahiran menganalisa teks perlu lebih berstruktur. Bacaan yang berkualiti memerlukan lebih dari kemahiran membaca. Untuk mengecapi tahap bacaan yang berkualiti, seseorang itu harus memiliki kemahiran pemahaman yang baik. Kemahiran pemahaman yang baik memastikan para pembaca dapat membaca dengan lebih berkesan. Selain daripada membantu guru-guru, kajian ini juga bertujuan untuk memperlengkapkan murid dengan kemahiran menganalisa teks lantas memenuhi kehendak soalan-soalan inferens dalam latihan.

3. Pernyataan Masalah

Kajian ini didorong oleh kekusaran guru-guru terhadap kemerosotan prestasi murid-murid dalam peperiksaan pertengahan tahun 2015. Antara beberapa bahagian yang menyumbang pada kemerosotan prestasi ini adalah Kertas 2 Bahasa Melayu. Setelah menjalankan penilaian pascaperiksaan, guru-guru mendapati bahawa punca utama kemerosotan ini adalah kelemahan murid dalam bahagian kefahaman.

Antara faktor yang menyumbang kepada kekusaran ini, adalah keterbatasan kosa kata dalam kalangan murid. Keterbatasan ini menjejaskan kebolehan para pelajar untuk membina pemahaman yang baik dan mengungkapkan idea mereka dalam bentuk tulisan lantas menghambat para pelajar untuk mengapresiasi teks.

Keterbatasan ini secara khususnya merujuk kepada golongan *kata adjektif*. Sebagai contoh, perkataan “*baik*” digunakan secara sewenang-wenangnya untuk menggambarkan sesuatu perbuatan positif. Akibatnya, murid tidak tepat mengungkapkan idea mereka serta memenuhi kehendak soalan-soalan inferens.

4. Kajian Lepas

Kaedah W.P.S. memberi tumpuan pada proses metakognitif seseorang dalam membina pemahaman yang baik dalam bacaan. Proses metakognitif membolehkan seseorang itu melakarkan langkah-langkah tertentu yang dapat membantu mereka dalam berfikir. Fikiran yang berstruktur pula akan membantu seorang pelajar itu untuk membina pemahaman yang baik dalam bacaan. Beberapa kajian telah dijalankan untuk menguji keberkesanan strategi-strategi metakognisi dalam pembelajaran.

Antara strategi yang tidak asing adalah kajian yang telah dijalankan Gillett dan Temple (1982). Strategi metakognisi kerap digunakan oleh guru-guru bahasa dalam kelas. Proses pemenggalan diterapkan dalam kemahiran membaca. Strategi ini didedahkan kepada murid untuk membantu mereka membaca, mengingat dan mentafsir bahan bacaan. Dapatan kajian ini telah meningkatkan pemahaman seseorang pembaca.

Sebuah kajian telah dijalankan oleh Houtveen dan Grit (2007). Kajian ini melibatkan dua kumpulan para pelajar. Seramai 334 pelajar dikumpulkan dalam kumpulan eksperimen dan 225 lagi murid dikumpulkan dalam kumpulan sampel. Murid dari kumpulan sampel tidak menerima pendedahan dengan latihan kemahiran metakognisi sepertimana yang dilalui oleh kumpulan eksperimen. Hasil kajian menyokong peri pentingnya kemahiran metakognisi dalam meningkatkan pemahaman para pelajar dalam bacaan. Ini adalah kerana murid dari kumpulan eksperimen mempamerkan tahap pemahaman yang lebih baik berbanding daripada kumpulan sampel.

Satu lagi kajian yang serupa pernah dijalankan oleh Boulware-Gourden (2007). Kajian ini dijalankan untuk melihat sebesar manakah keberkesanan strategi metakognisi dalam pengajaran bacaan yang berkesan. Boulware-Gourden membahagikan kumpulan sasaran kepada kumpulan kawalan dan kumpulan intervensi. Kumpulan intervensi dianggotai oleh murid yang memiliki kebolehan akademik yang sederhana dan telah diajarkan strategi metakognisi. Kumpulan kawalan pula terdiri dari peringkat murid yang sama tetapi tidak diajarkan strategi metakognisi. Latihan ujian kefahaman kemudiannya dijalankan kepada kedua-dua kumpulan sasaran ini. Di akhir kajian, dapatan kajian menunjukkan bahawa strategi metakognisi membantu para pelajar untuk membina pemahaman yang baik. Kumpulan intervensi mempamerkan keputusan yang lebih baik berbanding kumpulan sasaran.

Dapatan daripada kajian lepas ini membuktikan peri pentingnya kemahiran metakognitif yang perlu ada pada setiap orang murid. Usaha-usaha untuk membina dan memperhaluskan strategi-strategi ini perlu diteruskan agar dapat dimanfaatkan oleh para pelajar kita supaya mengesahkan tahap bacaan yang berkualiti.

5. Kaedah Kajian


Kajian ini dijalankan dalam masa 2 bulan dari Mac hingga Mei 2015. Subjek kajian terdiri daripada 44 orang pelajar darjah 5 yang mengambil subjek Bahasa Melayu. Subjek dibahagikan kepada dua kumpulan, kedua-dua kumpulan ini terdiri daripada murid-murid yang mempunyai tahap kebolehan yang pelbagai. Kumpulan kajian ini terdiri daripada 5 orang murid yang bertahap kebolehan rendah, 20 murid daripada tahap kebolehan sederhana dan 19 pelajar daripada tahap kebolehan yang tinggi.

Kajian pengajaran yang menggunakan kaedah W.P.S ini merupakan usaha sepadu yang dijalankan untuk mengasah kemahiran menganalisa teks bagi murid serta membantu guru untuk mengajar kemahiran tersebut dengan lebih berstruktur.

Kajian pengajaran ini dijalankan sebanyak dua sesi (*Lesson Study Cycle 1 and 2*) Guru-guru yang terlibat sama dalam kajian turut melakukan pemerhatian sewaktu kajian pengajaran dilaksanakan. Setelah guru selesai melaksanakan sesi pengajaran yang pertama, kesemua guru-guru pemerhati yang terlibat dalam kajian tersebut akan membuat refleksi tentang pengajaran dan pembelajaran tersebut. Guru-guru juga akan

berbincang tentang keberkesanan pengajaran tersebut dengan melihat kekuatan dan kelemahan proses pengajaran. Objektif guru pemerhati adalah untuk memantau proses pembelajaran murid semasa kajian dijalankan.

Pascapersidangan diadakan untuk mendapatkan maklum balas guru-guru berkenaan dengan pelaksanaan kajian serta keberkesanan pendekatan yang digunakan agar kajian ini dapat diperhalusi dengan penambahbaikan. Oleh itu, penambahbaikan telah dilakukan dengan memperbaiki rancangan pelajaran. Seterusnya, sesi pengajaran yang kedua dilakukan dengan merujuk kepada rancangan pelajaran yang telah dimurnikan. Rajah 1 menunjukkan proses kajian pengajaran yang dijalankan:



Rajah 1: Proses kajian

Kajian ini menggabungkan penggunaan metode kuantitatif dan kualitatif untuk mengumpul dan menganalisa data. Sesi pemantauan di dalam kelas dan lapor balik daripada borang tiket keluar (*'exit ticket'*) menjadi sumber utama data kualitatif. Sesi pemantauan akan proses pembelajaran dan pengajaran dilakukan sebanyak dua kali oleh guru-guru pengkaji. Untuk mendapatkan data kuantitatif pula, guru memperoleh data melalui hasil kertas latihan kefahaman murid. Data-data tersebut menjadi sandaran untuk menentukan keberkesanan dan kerelevanan kajian pengajaran yang telah dijalankan.

6. Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Tujuan kaedah W.P.S adalah untuk memperlengkapkan murid dengan proses berfikir yang lebih kritis. Kaedah W.P.S diusahakan untuk mempergiatkan lagi proses berfikir sewaktu bacaan. Murid perlu "*membongkar*" kandungan yang sedia ada dan membentuk pemahaman mereka.

Hasilnya, perbincangan antara guru dengan murid dalam kelas lebih aktif. Walaupun ada kalanya agak payah untuk mengungkapkan idea-idea dalam kekata, murid lebih proaktif dan cuba berkongsi pandangan mereka bersama rakan-rakan sedarjah. Jadual 1 dan 2 menunjukkan markah bagi soalan-soalan inferens (38 - 40) sebelum dan selepas kajian pengajaran dijalankan.

Jadual 1: Markah bagi Prakashian

Markah	S38	S39
3 – 4 markah	12 27.3%	12 27.3%
2 markah	7 15.9%	16 36.4%
0 - 1 markah	25 56.8%	16 36.4%

Jadual 2: Marklah bagi pascakajian

Markah	S38	S39
3 – 4 markah	34 77.3%	25 56.8%
2 markah	8 18.2%	17 38.7%
0 - 1 markah	2 4.5%	2 4.5%

Kemerosotan purata untuk murid yang mendapat markah 0-1 adalah peningkatan yang amat ketara. Berdasarkan dapatan kajian di atas, kaedah W.P.S adalah suatu strategi metakognisi yang dapat meningkatkan tahap pemahaman dalam bacaan.

7. Kesimpulan

Kajian yang telah dijalankan ini telah memperkukuh keberkesanan strategi metakognisi yang perlu diterapkan dalam pembelajaran di dalam kelas. Kemahiran metakognisi yang didedahkan dalam pembelajaran menjadi landasan untuk memungkinkan daya pemikiran yang lebih kritis.

Kaedah W.P.S. telah dapat dimanfaatkan oleh murid dalam mempertingkatkan mutu pemahaman mereka sewaktu membaca. Sedikit pengubahsuaian mungkin perlu dilakukan agar lebih mudah diterapkan mengikut kebolehan murid. Usaha ini akan diluaskan penggunaannya kepada para peringkat yang rendah untuk memberi pendedahan seawal mungkin kepada para pelajar. Proses pembelajaran kefahaman lebih berkesan apabila murid lebih aktif berfikir dalam perbincangan.

8. Penghargaan

Ribuan terima kasih kepada Pengetua Sekolah Rendah East Coast, Puan Jessie Lim Chien Chin kerana telah memberi peluang ini kepada kami. Sokongan beliau telah memberi kami membantu kami mempertingkat pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah melalui kajian ini.

Kami juga turut ingin berterima kasih dengan guru teman seperjuangan kami, Cikgu Rozanah Kasnan dan Cikgu Azhar Abdul Rashid kerana telah banyak membantu dan memberi tunjuk ajar kepada kami sepanjang tempoh menyiapkan kertas kajian ini. Pengalaman yang diraih sepanjang proses ini telah memperkukuhkan lagi semangat kami sebagai pendidik bahasa Melayu.

Akhir sekali, kalungan terima kasih kepada Pusat bahasa Melayu Singapura yang memberi peluang kepada kami untuk membentangkan hasil kajian ini di persidangan serantau dan membantu kami memurnikan kertas kajian ini. Tunjuk ajar, kerjasama dan dorongan yang diberikan oleh semua pihak membolehkan kami berjaya menyiapkan kerja kerja ini dengan jayanya.

9. Rujukan

- Abbas bin Mohd. Shariff. (2012). Strategi pengajaran & pembelajaran Bahasa (Cetakan kedua). Singapore: Alfa Media.
- Yahya Othman & Dayang Raini Pakar. (2013). Keberkesanan Strategi Metakognisi dalam Pengajaran Bacaan dan Kefahaman Menggunakan Teks Ekspositori. *GEMA Online Journal of Language Studies* Volume 13(3).
- Gillet, T. dan Temple, C. (1982). *Understanding Reading Problem*. Little Brown and Co. Boston.
- Marsh, C.J. (2010). *Key Concepts for Understanding Curriculum*, Routledge. USA.